

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Tujuan _____ itu diadakan bagi mendapatkan reaksi para petani tentang penggunaan dron dalam pertanian.
A soal siasat C temu ramah
B kaji selidik D maklum balas
2. Murid-murid hendaklah membasuh tangan selepas menjalankan _____ di makmal.
A uji kaji C ulang kaji
B tabung uji D tindak balas
3. Pertandingan _____ sains perlu diadakan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan inovasi dan kreativiti murid-murid.
A uji kaji
B reka cipta
C susun atur
D reka bentuk
4. Usahawan muda perlu _____ dalam menghadapi dunia perniagaan yang begitu kompetitif dan mencabar kini.
A berdaya saing
B berbudi bahasa
C tahan lasak
D lemah lembut
5. Kakak ditegur oleh ibu kerana _____ dalam permasalahan keluarga Pak Long Ahmad.
A habis akal
B pindah tangan
C ambil hati
D campur tangan
6. Kami suka ke kampung ayah di Dabung kerana suasananya yang _____.
A aman damai
B sunyi sepi
C sopan santun
D cantik berseri
7. Puan Aisyah dan suaminya ke rumah Encik Harun membawa suatu _____.
A kata dua
B kata putus
C hajat besar
D isi hati
8. Setelah setengah hari berada di kampung Kamil, kami pun _____ untuk kembali ke Kuala Lumpur.
A meminta diri
B mengikut jejak
C mengatur langkah
D menarik diri

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam iklan di bawah ini, terdapat **tiga** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.



PERTANDINGAN INOVASI REKACIPTA 2020
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

TERBUKA KEPADA SEMUA KAKI TANGAN MPKJ SAHAJA
PENYERTAAN SECARA INDIVIDU ATAU BERKUMPULAN

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI PIHAK URUSETIA :
UNIT KUALITI, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN.
ENCIK SHAHRUL NIZAM BIN HUSSIN - 7054
PUAN NORIHAN BINTI RIDWAN - 7044

TARIKH TUTUP PENYERTAAN 20 APRIL 2020

Hadiah Utama
Wang Tunai & Pingat

1. _____
2. _____
3. _____